

19 JANUARI 2018

Rampasan dadah RM4 juta

Rampasan dadah RM4 juta

Kuala Lumpur: Polis menumpaskan sindiket pengedaran dadah dengan menahan tiga suspek dan merampas dadah bernilai kira-kira RM4 juta dalam dua serbuan berasingan di sekitar Lembah Klang, minggu ini.

Dalam serbuan pertama, sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur menahan sepasang kekasih berusia 29 dan 30 tahun di Jalan Kuchai Maju dekat sini, pada jam 9.20 malam, Isnin lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mazlan Lazim, berkata kedua-dua suspek ditahan ketika berada dalam sebuah kereta di tepi jalan

berkenaan.

"Pemeriksaan ke atas suspek membawa kepada penemuan satu beg plastik mengandungi 10 paket serbuk dadah jenis Ecstasy seberat 178 gram.

Kenderaan suspek diperiksa

"Kita turut memeriksa kenderaan jenis Perodua Bezza dinaiki suspek dan menemui serangkai kunci rumah yang mengandungi lima batang anak kunci," katanya dalam sidang media di IPK Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, susulan soal siasat ke atas suspek pertama, polis menyerbu sebuah rumah di Taman Salak Selatan jam 9.40 ma-

lam, hari yang sama.

"Suspek pertama membawa pihak polis ke sebuah rumah dan pemeriksaan menemui 308 paket plastik serbuk dadah jenis Ecstasy seberat 6.4 kilogram (kg), tujuh bekas plastik serbuk Ecstasy seberat 6.7kg, 800 biji pil Nimetazepam seberat 223 gram, satu paket ganja 10 gram, tiga batang rokok ganja (empat gram) dan 20 paket plastik dadah ketamin 19 gram.

"Rampasan di kediaman berkenaan bernilai RM175,360 mengikut perkiraan awal," katanya.

Katanya, kedua-dua suspek dikenakan direman sehingga Ahad ini bagi membantu siasatan.



Mazlan bersama pegawainya menunjukkan dadah yang dirampas pada sidang media di IPK Kuala Lumpur, semalam.